

TINGKATAN	:	1
MASA	:	80 menit
BIDANG	:	1 Nilai Berkaitan Dengan Perkembangan Diri.
PEMBELAJARAN		
NILAI	:	1.1 Kepercayaan kepada Tuhan
KANDUNGAN	:	• Manusia dan alam semesta ialah ciptaan Tuhan
AKADEMIK		- Keunikan setiap individu walaupun cacat anggota
TAJUK	:	Mensyukuri Ciptaan Tuhan
PENGETAHUAN	:	Murid mengetahui tentang golongan kurang upaya
SEDIA ADA		
HASIL	:	Murid dapat:
PEMBELAJARAN		<ul style="list-style-type: none"> i. menyenaraikan kekurangan dan kelebihan yang ada pada golongan kurang upaya ii. menghormati kekurangan dan kelebihan yang ada pada golongan yang kurang upaya. iii. memberi sokongan kepada golongan kurang upaya dengan membantu mereka.
PENDEKATAN	:	Pembelajaran aktif, KBKK
TEKNIK	:	Perbincangan
SUMBER BANTU	:	Kotak
MENGAJAR		Barang-barang rosak dan lama seperti buku koyak, bunga plastik dan botol-botol kosong Lampiran 20 – Seloka Lampiran 21 – Kad situasi

SET INDUKSI

- i. Guru mempamerkan seloka (Lampiran 20).
- ii. Guru bersoal jawab dengan murid.
 - a. Apakah yang boleh dilakukan oleh golongan kurang upaya seperti dinyatakan dalam seloka?
 - b. Nyatakan perkara lain yang boleh dilakukan oleh golongan kurang upaya.

AKTIVITI 1

- i. Guru meletakkan sebuah kotak di hadapan kelas. Kotak itu mengandungi barang-barang yang rosak dan lama.
- ii. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan.
- iii. Wakil setiap kumpulan diminta keluar untuk mengambil satu barang dari kotak tersebut tanpa melihat ke dalam kotak.
- iv. Setiap kumpulan dikehendaki berbincang tentang perkara yang berikut.
 - Dua sifat fizikal yang terdapat pada barang itu
 - Dua kegunaan barang itu
 - Dua cara menjaga barang tersebut dengan baik
 - Dua cara menerima kekurangan yang ada pada barang itu.

- v. Wakil kumpulan membentangkan hasil perbincangan di hadapan kelas.
- vi. Guru dan murid membuat rumusan.

AKTIVITI 2

- i. Guru mengedarkan kad situasi (Lampiran 21) kepada setiap kumpulan.
- ii. Setiap kumpulan dikehendaki membincangkan tugas masing-masing.
- iii. Wakil kumpulan membentangkan hasil perbincangan.
- iv. Murid lain diberi peluang untuk bersoal jawab.
- v. Guru bersama murid membuat rumusan.

PENILAIAN

Murid dikehendaki membuat buku skrap tentang sumbangan golongan kurang upaya (tempatan atau luar negara) dalam pembangunan negara dari aspek yang berikut.

- a. Sukan (Paralimpik)
- b. Ekonomi
- c. Sains
- d. Sastera

Lammiran 20

Seloka tentang kelebihan orang kurang upaya.

Yang pekak membakar meriam.

Yang buta menghembus lesung.

Yang tempang menghalau ayam.

Kad Situasi

i.

Zainab seorang gadis yang cacat sebelah kaki, berkelulusan teknologi komputer. Dia menghadiri temu duga di Syarikat Maju untuk jawatan pegawai sistem maklumat komputer. Andaikan anda pengarah syarikat tersebut, bagaimana anda dapat membantu Zainab sebagai pekerja di syarikat anda? Jelaskan.

ii.

Abang anda membawa balik seorang gadis yang akan dikahwininya untuk diperkenalkan kepada anggota keluarga. Anda dapati gadis itu cacat sebelah tangan. Bagaimanakah anda akan menerima gadis itu sebagai sebahagian daripada keluarga anda? Bincangkan.

iii.

Anda ialah pengerusi Persatuan Sains dan Matematik di sekolah. Anda bercadang untuk menganjurkan satu program Minggu Sains dan Matematik. Salah seorang AJK anda ialah murid kurang upaya. Bagaimanakah anda menggalakkannya supaya melibatkan diri dengan aktif dalam program ini? Jelaskan.

TINGKATAN	: 2
MASA	: 80 minit
BIDANG	: 4 Nilai Berkaitan Dengan Patriotisme
PEMBELAJARAN	
NILAI	: 4.1 Cinta akan Negara
KANDUNGAN	: • Sikap bertanggungjawab menjaga kemudahan awam dalam negara
AKADEMIK	
TAJUK	: Kemudahan Awam Tanggungjawab Kita
PENGETAHUAN	: Murid mengetahui contoh-contoh kemudahan awam yang terdapat dalam negara
SEDIA ADA	
HASIL	: Murid dapat:
PEMBELAJARAN	i. menerangkan cara menjaga kemudahan awam ii. menunjukkan perasaan bangga dengan kemudahan awam yang terdapat dalam negara iii. menjaga dan tidak merosakkan kemudahan awam yang digunakan
PENDEKATAN	: Pembelajaran aktif, KBKK
TEKNIK	: Perbincangan
SUMBER BANTU	: Lampiran 22 – Gambar kemudahan awam
MENGAJAR	Lampiran 23 – Kad tugas Lampiran 24 – Borang Kepentingan Kemudahan Awam Negara Lampiran 25 – Lembaran kerja

SET INDUKSI


- i. Guru mempamerkan gambar kemudahan awam yang terdapat dalam negara. (Lampiran 22)
- ii. Guru bersoal jawab dengan murid.
 - Pernahkah anda melihat kemudahan awam seperti yang terdapat dalam gambar? Di mana?
 - Bagaimanakah keadaan kemudahan awam yang anda lihat itu?

AKTIVITI

- i. Guru mengedarkan kad tugas (Lampiran 23) kepada setiap kumpulan dan Borang Kemudahan Awam Negara (Lampiran 24).
- ii. Murid diminta berbincang tentang tugas yang diberikan.
- iii. Wakil setiap kumpulan membuat laporan.
- iv. Guru bersama-sama murid membuat rumusan tentang kemudahan awam yang menjadi kebanggaan negara.

PENILAIAN

Murid dikehendaki melengkapkan ayat dengan memberikan sebab mereka berbangga dengan kemudahan awam negara. (Lampiran 25)



Kad Tugasan

Kumpulan 1

Rakan anda di luar negara mengirim e-mel dan bertanyakan tentang kemudahan awam yang terkini di Malaysia. Balas e-mel rakan anda dan ceritakan tentang keadaan kemudahan awam yang menjadi kebanggaan masyarakat dan negara.

Mail to: Vince@hotmail.co

Cc :

Subject : Apa khabar?

Hai Zarin. Sudah lama kita.....



Kumpulan 2

Seorang saudara anda yang menetap di luar negara bertanyakan kepada anda tentang keadaan kemudahan awam yang terdapat di tempat anda. Ceritakan dalam surat yang anda kirimkan kepadanya.

Jadual Kepentingan Kemudahan Awam Negara

Bil.	Contoh	Kepentingan Kepada Masyarakat	Kepentingan Kepada Negara
i.	Telefon awam	Kegunaan semasa kecemasan	Alat perhubungan untuk kegunaan rakyat
ii.			
iii.			
iv.			
v.			
vi.			

Lembaran Kerja

1. Saya berbangga dengan kemudahan awam negara kerana kemudahan awam negara boleh digunakan pada bila-bila masa.

2. Saya berbangga dengan kemudahan awam negara kerana

_____.

3. Saya berbangga dengan kemudahan awam negara kerana

_____.

4. Saya berbangga dengan kemudahan awam negara kerana

_____.

5. Saya berbangga dengan kemudahan awam negara kerana

_____.

6. Saya berbangga dengan kemudahan awam negara kerana

_____.

7. Saya berbangga dengan kemudahan awam negara kerana

_____.

8. Saya berbangga dengan kemudahan awam negara kerana

_____.

9. Saya berbangga dengan kemudahan awam negara kerana

_____.

10. Saya berbangga dengan kemudahan awam negara kerana

_____.

TINGKATAN	:	3
MASA	:	40 minit
BIDANG	:	2 Nilai Berkaitan Dengan Kekeluargaan
PEMBELAJARAN		
NILAI	:	2.3 Mengekalkan Tradisi Kekeluargaan
KANDUNGAN	:	• Amalan adat dan pantang larang menjamin tradisi keluarga
AKADEMIK		
TAJUK	:	Adat Perkahwinan Di Malaysia
PENGETAHUAN	:	Murid mengetahui adat perkahwinan kaum masing-masing
SEDIA ADA		
HASIL	:	Murid dapat:
PEMBELAJARAN		<ul style="list-style-type: none"> i. mengenal pasti adat tradisi perkahwinan warisan keluarga ii. bangga dengan adat perkahwinan warisan keluarga iii. mengamalkan adat perkahwinan warisan keluarga
PENDEKATAN	:	Pembelajaran aktif, KBKK
TEKNIK	:	Perbincangan
SUMBER BANTU	:	Lampiran 26 – Gambar majlis perkahwinan
MENGAJAR		Lampiran 27 – Jadual amalan adat perkahwinan Lampiran 28 – Lembaran kerja

SET INDUKSI


- i. Guru mempamerkan gambar perkahwinan pelbagai kaum di Malaysia. (Lampiran 26)
- ii. Guru bersoal jawab dengan murid.
 - Pernahkah anda menghadiri majlis seperti ini? Di mana?
 - Pernahkah anda menghadiri majlis perkahwinan kaum lain? Ceritakan.

AKTIVITI

- i. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan.
- ii. Guru mengedarkan jadual amalan adat perkahwinan mengikut keluarga. (Lampiran 27)
- iii. Murid dikehendaki berbincang dan mengisi jadual tersebut.
- iv. Wakil setiap kumpulan membentangkan hasil catatan masing-masing.

PENILAIAN

Murid dikehendaki melengkapkan peta minda tentang kepentingan amalan adat perkahwinan bagi sesebuah keluarga. (Lampiran 28)




Jadual Amalan Adat Perkahwinan Mengikut Keluarga

Bil.	Melayu	Cina	India	Punjabi	Lain-lain
1.	Merisik oleh pihak lelaki tentang calon isteri				
2.	Meminang oleh pihak lelaki				
3.	Bertunang				
4.	Akad nikah				
5.	Bersanding semasa majlis perkahwinan				
6.	Bertandang ke rumah sanak saudara				

Arahan

Anda dikehendaki melengkapkan peta minda tentang kepentingan amalan adat perkahwinan bagi sesebuah keluarga.



TINGKATAN	:	4
MASA	:	80 minit
BIDANG PEMBELAJARAN	:	1 Nilai Berkaitan Dengan Perkembangan Diri.
NILAI	:	1.3 Harga Diri
KANDUNGAN AKADEMIK	:	<ul style="list-style-type: none"> • Matlamat untuk mencapai kesejahteraan hidup <ul style="list-style-type: none"> - Berjaya - Bahagia
TAJUK	:	Matlamat Hidup Yang Diingini
PENGETAHUAN SEDIA ADA	:	Setiap murid mempunyai cita-cita
HASIL PEMBELAJARAN	:	Murid dapat : <ul style="list-style-type: none"> i. mengenal pasti matlamat hidup yang diingini. ii. menyenaraikan langkah-langkah mengatasi cabaran yang akan dihadapi. iii. bangga dan gembira dengan matlamat hidup yang dipilih. iv. menetapkan matlamat yang diingini untuk mencapai kesejahteraan hidup.
PENDEKATAN TEKNIK	:	TOC (Theory of Constraint) Mencita-citakan kejayaan, perbincangan kumpulan.
SUMBER BANTU MENGAJAR	:	Lampiran 29 – Gambar Lampiran 30 – Senarai semak matlamat hidup yang diingini. Lampiran 31 – Borang Pendekatan TOC : Teknik mencita-citakan kejayaan

SET INDUKSI

- i. Guru mempamerkan 2 keping gambar (Lampiran 29)
- ii. Murid diminta memilih gambar yang berkaitan dengan matlamat hidup mereka.
- iii. Murid diminta memberikan pendapat tentang gambar tersebut.

AKTIVITI 1


- i. Guru mengedarkan kepada setiap murid senarai semak matlamat hidup yang diingini. (Lampiran 30)
- ii. Murid diminta menentukan matlamat hidup yang diingini berdasarkan senarai semak tersebut.
- iii. Murid dikehendaki memberikan alasan bagi matlamat hidup yang menjadi pilihan utama dan yang menjadi pilihan terakhir.
- iv. Beberapa orang murid dipilih untuk membentangkan hasil kerja.
- v. Guru bersama-sama murid membuat rumusan.

AKTIVITI 2

- i. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan.
- ii. Guru mengedarkan Borang Teknik Mencita-citakan Kejayaan (Lampiran 31) kepada setiap kumpulan.
- iii. Murid diminta membincangkan satu matlamat hidup yang diinginkan dan melengkapkan Lampiran 31 dengan menggunakan pendekatan TOC iaitu teknik mencita-citakan kejayaan.
- iv. Wakil setiap kumpulan diminta membentangkan hasil dapatan.
- v. Murid lain memberi pendapat.
- vi. Guru bersama-sama murid membuat rumusan.

PENILAIAN

Murid dikehendaki menghasilkan satu pelan tindakan yang akan dilaksanakan berdasarkan matlamat hidup yang telah dipilih.



Lampiran 30

Senarai Semak Matlamat Hidup yang Diingini.

Tandakan (/) pada Ruangan A berdasarkan matlamat hidup yang terdapat pada sebelah kanan.

Nomborkan mengikut keutamaan pada Ruangan B berdasarkan matlamat hidup yang diingini.

Bil	Ruangan A			Ruangan B (Keutamaan)	Matlamat hidup yang diingini
	Sangat diingini	Diingini	Tidak diingini		
1.	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	Keamanan dunia
2.	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	Kestabilan negara
3.	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	Cinta sejati
4.	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	Diterima rakan
5.	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	Keluarga bahagia
6.	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	Kejayaan dalam kerjaya
7.	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	Keseronokan hidup
8.	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	Cemerlang dalam pelajaran
9.	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	Persekitaran yang bersih dan selamat
10.	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	Memenuhi tuntutan keagamaan
11.	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	Membantu orang lain
12.	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	Kekayaan / kemewahan

Pendekatan TOC – Teknik Mencita-citakan Kejayaan

Matlamat hidup yang diinginkan :		
Cabaran	Langkah-langkah mengatasi	Keutamaan

TINGKATAN	:	5
MASA	:	80 minit
BIDANG PEMBELAJARAN	:	5 Nilai Berkaitan Dengan Hak Asasi Manusia
NILAI	:	5.2 Menghormati Hak Wanita
KANDUNGAN AKADEMIK	:	<ul style="list-style-type: none"> • Sumbangan wanita dalam pelbagai bidang pembangunan <ul style="list-style-type: none"> - Ekonomi
TAJUK	:	Sumbangan Wanita Kita Hargai
PENGETAHUAN SEDIA ADA	:	Murid menyedari sumbangan wanita dalam pembangunan negara
HASIL PEMBELAJARAN	:	<p>Murid dapat :</p> <ul style="list-style-type: none"> i. menjelaskan sumbangan wanita dalam ekonomi di kawasan setempat ii. menghargai sumbangan wanita dalam pembangunan ekonomi iii. menyokong penglibatan wanita dalam pembangunan ekonomi
PENDEKATAN	:	Pembelajaran aktif, pembelajaran koperatif
TEKNIK	:	<i>One minute paper</i> , perbincangan
SUMBER BANTU MENGAJAR	:	Lampiran 32 – Borang penglibatan wanita dalam bidang ekonomi di kawasan kediaman Lampiran 33 – Sajak ‘Sumbangan Wanita Kita’

SET INDUKSI

- i. Murid diminta menyenaraikan sumbangan anggota keluarga wanita seperti nenek, ibu atau kakak dalam ekonomi keluarga dalam masa satu minit.
- ii. Beberapa orang murid dipilih untuk memberitahu catatan masing-masing.

AKTIVITI 1

- i. Guru mengedarkan borang penglibatan wanita dalam bidang ekonomi di kawasan kediaman dan kesannya kepada setiap kumpulan. (Lampiran 32)
- ii. Murid diminta berbincang dan melengkapkan borang tugas.
- iii. Wakil setiap kumpulan membentangkan hasil perbincangan di kelas.
- iv. Guru dan murid bersama-sama membuat rumusan.

AKTIVITI 2

- i. Guru mengedarkan sajak ‘Sumbangan Wanita Kita’. (Lampiran 33)
- ii. Murid dikehendaki berbincang dalam kumpulan untuk mengadakan persembahan mendeklamasikan sajak beramai-ramai.
- iii. Setiap kumpulan membuat persembahan di hadapan kelas.

PENILAIAN


Murid dikehendaki menghasilkan sajak pendek yang bertemakan penghargaan terhadap sumbangan wanita.

Penglibatan Wanita Dalam Bidang Ekonomi Di Kawasan Kediaman Anda

- i. Perniagaan kraf tangan
- ii. _____
- iii. _____
- iv. _____
- v. _____
- vi. _____
- vii. _____
- viii. _____

Kesan Penglibatan Wanita Dalam Pembangunan Ekonomi

Bil.	Kesan Terhadap Keluarga	Kesan Terhadap Masyarakat	Kesan Terhadap Negara
i.	Meringankan beban kewangan ketua keluarga	Taraf hidup masyarakat meningkat	Mempelbagaikan sumber pendapatan negara
ii.			
iii.			
iv.			
v.			
vi.			
vii.			
viii.			



Sumbangan Wanita Kita

Wanita
Turut bersama membanting tulang
Membantu memajukan keluarga
Meringankan beban suami tercinta

Wanita
Bersama masyarakat memikul kewajipan
Berusaha demi kemajuan bangsa
Wanita berjaya masyarakat sejahtera

Wanita
Menyahut seruan pemimpin negara
Memajukan negara tanggungjawab bersama
Wanita berjaya negara berjaya



Wanita
Di sisi suami
Kau isteri setia
Di rumah
Kau ibu penyayang
Di tempat kerja
Kau pekerja berjaya
Di persada negara
Kau pembela bangsa
Kau serikandi kebanggaan semua.

